

CIRI-CIRI UTAMA PORTAL myGovernment

Pada 'MyPage' terdapat 5 ciri utama yang terdapat di dalam portal iaitu:

myForms

myForms akan memaparkan kesemua aktiviti yang tidak melibatkan sebarang bayaran yang berkaitan dengan seseorang pengguna tersebut.

myBayar

myBayar pula akan memaparkan kesemua aktiviti / transaksi yang telah dilakukan. Kesemua aktiviti tersebut akan dipaparkan pada jadual yang terdapat di dalam myBayar dimana pengguna boleh memilih cara pembayaran bagi setiap aktiviti tersebut samada melalui pindahan wang, kad kredit ataupun kad debit.

Perkhidmatan myGov

Perkhidmatan myGov merupakan pautan kepada kesemua perkhidmatan yang ditawarkan oleh portal myGovernment.

Butiran Peribadi Saya

Butiran Peribadi Saya pula membolehkan pengguna mengedit dan menambah maklumat peribadi mereka.

my1Login

Satu Log Masuk untuk mengakses pelbagai perkhidmatan online Kerajaan. Produk ini memudahkan rakyat mencapai perkhidmatan online Kerajaan yang disediakan oleh 30 agensi perintis.

HUBUNGI KAMI

Tel/Fax/SMS:
603-8000 8000

E-mel: admin@portal.gov.my
Facebook: [facebook.com/myGovernment](https://www.facebook.com/myGovernment)
Twitter: twitter.com/myGovPortal



UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
JABATAN PERDANA MENTERI

Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya



myGovernment

Portal Rasmi Kerajaan Malaysia
www.malaysia.gov.my

PENGENALAN

myGovernment ialah gerbang tunggal kepada maklumat dan perkhidmatan agensi Kerajaan Malaysia menerusi Internet. Inisiatif myGovernment dilaksanakan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

MAMPU adalah sebuah agensi pusat di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk memperkenalkan perubahan pentadbiran di sektor awam untuk meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan keutuhan Perkhidmatan Awam Malaysia selaras dengan matlamat negara.

OBJEKTIF

- Satu-satunya gerbang utama untuk mencapai pelbagai perkhidmatan Kerajaan
- Dirangkaikan melebihi 1000 laman web agensi-agensi Kerajaan
- Kemudahan dan keselesaan membuat capaian bila-bila masa dan dimana-mana sahaja
- Menyediakan transaksi dalam talian dan memuat turun borang
- Mempermudahkan komunikasi secara terus dengan agensi-agensi Kerajaan
- Menyediakan direktori lengkap agensi-agensi Kerajaan dan juga direktori perkhidmatan atas talian

FAEDAH

Kandungan di dalam portal myGovernment dibahagikan kepada 4 kumpulan pengguna. Setiap kumpulan pengguna boleh memilih untuk mendapatkan maklumat berdasarkan paparan mengikut Kategori dan juga Topik.

WARGANEGARA



Menyediakan maklumat dan perkhidmatan untuk warganegara Malaysia seperti pendidikan, keselamatan, kesihatan, pekerjaan, percukaian dan lain-lain.

PERNIAGAAN



Menyediakan maklumat dan perkhidmatan perniagaan seperti pendaftaran perniagaan, permohonan kelulusan perniagaan, permohonan dan laporan kemajuan projek dan sebagainya.

BUKAN WARGANEGARA



Menyediakan maklumat dan perkhidmatan yang melibatkan bukan warganegara seperti urusan pendidikan, visa, permit pekerjaan dan sebagainya.

KERAJAAN



Menyediakan maklumat dan perkhidmatan bagi penjawat awam seperti pengambilan, persaraan, pertukaran, anugerah dan sebagainya.

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN myGovernment



- Perkhidmatan Dalam Talian
- Polisi dan Dasar Kerajaan
- Aduan dan Pertanyaan
- Berita Agensi Kerajaan
- Direktori Agensi Kerajaan
- Direktori Perkhidmatan Atas Talian
- Maklumat Agensi Kerajaan
- Muat Turun Borang
- Tender Kerajaan
- Peluang Pekerjaan
- Saluran Undian Rakyat
- myForms
- myBayar
- myGovXchange
- myPage
- myGov Mobile
- mu11 online